

AMALAN PEDAGOGI INKLUSIF DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH ALIRAN PERDANA YANG TERDAPAT MURID ORANG ASLI

Nor Ruzaini binti Jailani*, Zuraidah binti Yazid & Ismail bin Raduan (PhD)

Abstrak

Kajian ini merupakan suatu tinjauan kes yang dijalankan di dua buah sekolah yang terdapat murid Orang Asli iaitu SK Sg. Lui, Hulu Langat dan SK Kuala Pomson, Hulu Langat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan pedagogi inklusif guru dalam pelaksanaan P&P di bilik darjah. Kajian ini juga untuk mengenal pasti ciri amalan pedagogi inklusif semasa guru merancang pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui aspek pengetahuan guru tentang murid, pengetahuan guru tentang pedagogi inklusif, kriteria pembelajaran gaya inklusif dan persediaan guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian merupakan suatu tinjauan. Data telah dikumpul menggunakan soal selidik fokus kepada proses perancangan dan pelaksanaan P&P. Kajian rintis menggunakan instrumen soal selidik telah dijalankan ke atas 30 responden yang terdiri daripada guru-guru dari Program Pensiswazahan Guru (PPG) di IPGK Ilmu Khas bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen. Nilai Alpha Croncbach keseluruhan yang telah diperolehi adalah 0.96. Instumen kajian telah ditadbir kepada 30 orang guru yang mengajar pelbagai mata pelajaran dari kedua-dua buah sekolah. Data telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 16 berdasarkan nilai min, peratus dan sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati guru di sekolah aliran perdana yang terdapat murid Orang Asli menunjukkan ciri pedagogi inklusif semasa merancang P&P dan mereka mengamalkan pedagogi inklusif semasa melaksanakan P&P (min keseluruhan=3.97).

Kata kunci: Pedagogi inklusif, murid orang asli, amalan pengajaran dan Pembelajaran

Abstract

This study was conducted in two schools with Indigenous pupils in the Hulu Langat area. The aim of this study is to explore teachers' inclusive pedagogy practices in their classrooms. This study also aims to identify the characteristics of inclusive pedagogy the teachers practice while planning for teaching and learning. This study employs a quantitative research design using the survey research tool. Data was collected using a questionnaire that focused on the process of planning and implementing teaching and learning. A pilot study was conducted and data was collected from 30 respondents who are enrolled in the Program Pensiswazahan Guru in IPGK Ilmu Khas. The data was collected using the questionnaire to determine the reliability of the instrument. The overall Alpha Cronchbach coefficient was 0.96. The questionnaire was later administered to 30 teachers who are teaching various subjects in both the schools. The data collected was analysed using descriptive statistics. The findings of this study reveal that teachers in both the schools with indigenous pupils show characteristics of inclusive pedagogy when planning teaching and learning activities. This study also finds that these teachers practice inclusive pedagogy when implementing teaching and learning in the classroom.

Key words: Inclusive pedagogy, indigenous pupils, teaching and learning practices

*Email: ruzaini@ipik.edu.my